
Pinda perlembagaan: Dr. M serah budi bicara Menteri Besar

LENGKAWI 13 Dis.

Oleh
Sopha Sulaiman

LANGKAWI 13 Dis. — Perdana Menteri (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) hari ini berkata, beliau menyerahkan kepada budi bicara Menteri-Menteri Besar sama ada mahu menerangkan kepada raja atau sultan di negeri masing-masing mengenai hasrat Kerajaan Pusat untuk meminda perlembagaan bagi menghapuskan "kekebalan raja-raja".

Kata beliau, tidak menjadi masalah jika mereka (Menteri Besar) mahu menerangkan atau mendapatkan persetujuan mengenai kedudukan itu dari sultan masing-masing.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas cadangan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhamad Mohd. Taib untuk mengadap Sultan Selangor bagi menyatakan hasrat Kerajaan Pusat itu.

Menteri Besar Selangor kelmarin juga menyatakan kerajaan negeri bersedia meminda mana-mana fasal dalam perlembagaan negeri itu untuk menghapuskan kekebalan raja-raja selaras dengan cadangan Kerajaan Pusat.

Bercakap kepada para pemberita selepas melawat projek-projek pembangunan di Pulau Langkawi hari ini, Perdana Menteri juga mengulas tentang kedudukan tentera "Timbalan

Setia Negeri Johor" yang berkhidmat terus kepada Sultan Johor.

Kata Perdana Menteri, kerajaan belum dapat membuat keputusan sama ada penubuhan tentera tersebut boleh dibubarkan atau menyerapkannya ke dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba berkata, beliau tidak tahu apa mustahaknya pasukan tentera tersebut diwujudkan untuk berkhidmat terus kepada Sultan Johor.

Pasukan tentera khas itu dianggotai oleh seramai 195 orang termasuk pegawai di-

wujudkan pada tahun 1886, yang pada mulanya berfungsi untuk mempertahankan Negeri Johor dan Singapura.

Mengulas lebih lanjut, Perdana Menteri berkata, pegawai-pegawai dan anggota pasukan "Timbalan Setia Negeri Johor" juga tidak akan terkecuali daripada tindakan undang-undang kerajaan jika mereka terlibat dengan tindakan-tindakan di luar undang-undang yang tidak dilindungi.

Perdana Menteri juga memberitahu, prinsip pengisytiharan mengenai perilaku raja yang ada sekarang tidak begitu memberi kesan kerana ada di kalangan raja-raja tidak menandatangani.